

**Shahrizat Fail Saman Fitnah RM100 Juta Terhadap Dua Pemimpin PKR
Bernama
19 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil Khamis memfailkan saman RM100 juta terhadap Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR) Zuraida Kamaruddin dan pengarah strategi parti itu Mohd Rafizi Ramli berhubung kenyataan yang didakwa memfitnah beliau berhubung isu Projek Fidlot Kebangsaan (NFC).

Beliau memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil melalui firma peguam Shafee & Co pada kira-kira pukul 3 petang.

Shahrizat, yang kini bercuti tiga minggu untuk memudahkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kontroversi NFC, menuntut ganti rugi am RM50 juta dan RM50 juta lagi bagi ganti rugi teladan dan teruk daripada kedua-dua defendan.

Beliau juga memohon satu injunksi bagi menghalang defendan daripada terus mengeluarkan kenyataan sama ada secara lisan atau dengan cara penerbitan terhadap beliau berhubung sebarang perkara berkaitan dengan National Feedlot Coperation Sdn Bhd (NFC) atau starikat-syarikat bersekutu.

Beliau juga menuntut kos perundangan dan lain-lain relif yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutananya, Shahrizat menyatakan bahawa pada setiap masa beliau tidak memegang sebarang jawatan dalam NFC dan kedua-dua defendan mula mengadakan sidang akhbar di pelbagai lokasi untuk memfitnah NFC, suaminya Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail dan keluarga.

Ketua Wanita Umno itu mendakwa bahawa defendan secara sistematik dan berniat jahat melancarkan satu kempen untuk "serang, mencemarkan nama baik, memburuk-burukkan dan memfitnah plaintif" dengan menyebarkan dakwaan mengandungi fitnah terhadap beliau.

Beliau berkata defendan pertama (Mohd Rafizi) telah menulis dan menerbitkan pelbagai artikel dalam laman blognya www.rafiziramli.com.

Shahrizat mendakwa bahawa artikel itu membawa maksud bahawa beliau melakukan pelanggaran undang-undang dan moral yang serius dan bahawa beliau terbabit dalam proses pemberian projek fidlot kepada NFC.

Beliau juga mendakwa bahawa defendan kedua yang juga Anggota Parlimen Ampang (Zuraida) telah mengeluarkan pelbagai kenyataan mengandungi fitnah melalui kenyataan akhbar yang dilaporkan dalam media arus perdana dan begitu juga dalam laman web rasmi PKR www.keadilandaily.com.

Shahrizat menegaskan bahawa defendan kedua telah menyatakan dan membayangkan

pengetahuan dan dengan niat bahawa kenyataannya akan diterbitkan dan diulangi dalam media.

Beliau percaya bahawa kenyataan Zuraida membawa maksud bahawa NFC tidak mungkin memperoleh Projek Fidlot Kebangsaan jika beliau bukan Ketua Wanita Umno atau Menteri kabinet.

Dengan penyebaran dan kenyataan meluas kedua-dua defendan, plaintif menegaskan beliau difitnah, mengalami kerugian teruk, disakiti dan rasa malu yang begitu serius kerana nama baiknya sebagai seorang individu, ahli politik, menteri dan ketua wanita Umno, terjejas.

Peguam Sharizat, Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah memberitahu pemberita bahawa anak guamnya berasa bahawa budaya bebas daripada hukuman berhubung mengeluarkan kenyataan memfitnah dan menyebarkan khabar angin mesti dihentikan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641199>